

Tanam sayur dengan dekponix rack

SEMUA sedia maklum bahawa untuk mengusahakan tanaman pertanian terutamanya sayur-sayuran biasanya memerlukan kawasan tanah yang luas.

Namun bagi memberi pilihan kepada mereka yang gemar untuk bercucuk tanam tetapi tidak mempunyai kawasan yang sesuai, kumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan produk dekponix rack dan home deco bagi menyelesaikan masalah itu.

Melalui kaedah itu, mereka yang menghuni rumah pangsa atau pangsapuri juga mempunyai peluang untuk berkebun.

Inovasi yang dihasilkan itu bukan sahaja tidak memerlukan penggunaan tanah bahkan hanya menggunakan ruang kecil. Ia mampu untuk mewujudkan suasana kehijauan di samping menjadi hiasan dalaman di



KHAIRUL AIDIL AZLIN menunjukkan dekponix rack dan home deco yang dihasilkan oleh kumpulannya.

dalam rumah.

Ketua penyelidik, Prof. Dr. Khairul Aidil Azlin Abd. Rahman berkata, untuk dekponix rack, inovasi yang dihasilkan itu menggunakan kaedah hidroponik. Tanaman pula tidak memerlukan penjagaan yang rapi namun mampu menghasilkan sayur-sayuran yang bersih dan organik.

Menurutnya, antara tanaman yang boleh ditanam ialah salad, kailan, kangkung, pegaga dan bayam merah.

“Teknologi ini mengguna pakai sistem modular dan ia mudah dipasang serta dileraikan oleh pengguna dalam masa kira-kira lima minit.

“Dengan berat kira-kira 2.5 kilogram, ia mudah dibawa untuk dipasang. Memiliki ketinggian 1.5 meter selepas dipasang menjadi rak empat tingkat. ia sesuai diletakkan di dalam rumah. Bilangan rak juga boleh ditambah,” katanya.

Tambahnya, produk itu mudah diselenggarakan dan kitaran airnya secara berterusan yang hanya

INOVASI


perlu ditambah sekali dalam tempoh dua minggu.

Ia menggunakan sistem deep flow atau alir tenggelam iaitu teknik hidroponik dengan air yang sentiasa berputar. Akar tanaman pula tenggelam dalam air yang mengalir di dalam rak.

Khairul berkata, untuk inovasi home deco pula ia adalah konsep hiasan menggunakan sistem hidroponik yang diperbuat daripada seramik yang diwarnakan dengan pelbagai corak menarik.

Ia menawarkan idea dekorasi di dapur dan meja makan dengan sayuran dan ulaman juga boleh terus dipetik semasa sedang menjamu selera.

Bersaiz lebih besar sedikit daripada kotak tisu, ia juga boleh diletakkan atas meja di pejabat sebagai hiasan bagi menyegarkan suasana dan boleh dijadikan cenderamata.



SAYUR-SAYURAN ditanam di dekponix rack secara hidroponik.